

ECONAZOLE CREAM

Econazole Nitrate (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Econazole Cream
2. Bagaimana Econazole Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil Econazole Cream
4. Cara mengambil Econazole Cream
5. Semasa pengambilan Econazole Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Econazole Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilangan dan Pemengang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan Econazole Cream

Ia digunakan untuk rawatan Tinea Pedis (jangkitan kulat pada kaki), Tinea Cruris (jangkitan kulat pada lipatan paha) dan Tinea Corporis (jangkitan kurap) yang disebabkan oleh kulat seperti *Trichophyton rubrum*, *Trichophyton Mentagrophytes*, *Tonsurans Trichophyton*, *Microsporum Canis*, *Microsporum Audouini*, *Microsporum Gypseum* dan *Epidermophyton Foccosum*, dalam rawatan bagi jangkitan kulat pada kulit seperti Cutaneous Candidiasis dan juga untuk Tinea Versicolor.

Bagaimana Econazole Cream Berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Econazole nitrate. Econazole nitrate mempunyai spektrum aktiviti anti-kulat yang luas. Ia boleh bertindak dengan mengganggu kebolehtelapan membran sel kulat. Ia juga mempunyai beberapa aktiviti anti-bakteria.

Sebelum Menggunakan Econazole Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda pernah hipersensitif kepada Econazole atau bahan -bahan lain yang disenaraikan di penghujung risalah ini.

- Sebelum menggunakan Econazole Cream

Anda perlu menyemak dengan doktor anda:

- Jika anda mengandung.

- Jika mengambil ubat- ubat lain

Elakkan krim terkena ke dalam mata. Jika reaksi sensitiviti atau kerengsaan kimia berlaku, penggunaan ubat-ubatan perlu dihentikan. Tiada tindakan reaksi antara ubat diketahui.

Econazole telah menunjukkan kesan yang tidak diingini pada janin. Oleh itu, Econazole boleh digunakan semasa mengandung dan menyusukan anak hanya jika faedah rawatan melebihi risiko yang dijangkakan.

Cara menggunakan Econazole Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Penggunaan secara topical:

Krim yang mencukupi hendaklah digunakan untuk menutup kawasan yang terjejas dua kali sehari (pagi dan malam) pada orang yang mempunyai tinea pedis, tinea cruris, tinea corporis dan kandidiasis kulit dan sekali sehari pada orang yang mempunyai tinea versicolor. Jangkitan Candida, tinea cruris dan tinea corporis perlu dirawat selama dua minggu dan tinea pedis selama satu bulan bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya penyakit berulang.

- Bila perlu digunakan

Krim Econazole akan diambil apabila diperlukan dan seperti yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Iikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil dos seterusnya seperti biasa pada masa yang ditetapkan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil terlalu banyak ubat, hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan perubatan dengan segera..

Semasa menggunakan Econazole Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Econazole Cream mengikut arahan doktor.

- Perkara yang tidak dilakukan

Jangan kongsi ubat-ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan.

Kesan-kesan Sampingan

Kesan-kesan sampingan yang biasa dilaporkan terdiri daripada gatal-gatal, rasa pedih dan kemerahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03 78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Econazole Cream

- Penyimpanan

Simpan di dalam bekas yang kedap udara di tempat yang sejuk dan kering. Lindungi daripada cahaya. Simpan pada suhu 25°C.

- Pelupusan

Ubat yang tidak diperlukan tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau buangan isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan Warna Produk

Krim putih.

- Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif
 - Econazole Nitrate 1.00% w/w
- Bahan tidak aktif
 - Ceteostearyl Alcohol
 - Cetomacrogol 1000
 - White Soft Paraffin
 - Propylene Glycol
 - Ethylene diamine tetraacetic acid
 - Chlorocresol
 - Deionised Water

- Nombor MAL

MAL19900319A

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

18/08/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)120815/00242